

# **ENAM** KOMPAUN **DIKELUARKAN**

**Oleh Mohammad  
Khairil Ashraf  
Mohd Khalid**  
khairil.ashraf@hmetro.com.my

## **Kuala Lumpur**

**R**estoran nasi kandar terkemuka di ibu kota dikenakan kompaun oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) susulan video viral didakwa memaparkan seorang pekerja meludah semasa membungkus makanan pelanggan.

DBKL dalam satu hantaran di Facebooknya berkata, pemeriksaan sudah

dijalankan dan sebanyak enam kompaun dikeluarkan kepada dua cawangan nasi kandar itu.

“Hasil pemeriksaan, dua kompaun dikeluarkan kepada restoran itu kerana tidak memakai penutup kepala dan apron (UUK 7(1) UUK PM 1979) serta beberapa pekerja tidak mendapatkan suntikan typhoid (UUK 23(3)(b) UUK PPM (WPKL) 2016).

“Manakala bagi satu lagi restoran, empat kompaun dikeluarkan atas

kesalahan tidak memakai penutup kepala dan apron (UUK 7(1) UUK PM 1979), sinki dapur yang tidak memasang alat perangkap minyak (UUK 15(1) UUK PPM (WPKL) 2016), lantai dapur yang didapati kotor dan berminyak (UUK 25(1)(b) UUK PPM (WPKL) 2016) dan bahan tepung yang diletakkan terus di atas lantai (UUK 33(3) UUK PPM (WPKL) 2016),” katanya.

Mengulas lanjut, DBKL berkata, kedua-dua cawa-

ngan restoran nasi kandar itu adalah berlesen.

“DBKL komited untuk memastikan keselamatan dan kebersihan premis makanan di Kuala Lumpur demi kesejahteraan pengguna.

“Operasi pemeriksaan premis sentiasa diadakan dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, DBKL juga memantau aduan orang ramai mengenai isu kebersihan,” katanya.

DBKL turut menyeru semua pihak untuk melaporkan terus kepada mereka bagi sebarang isu berkaitan kebersihan di premis makanan.

**Kompaun  
dikeluarkan kepada  
dua cawangan nasi  
kandar**